

19 JUL 1996

Umno-Konvensyen

UMNO SABAH KAJI JANJI PILIHAN RAYA

KOTA KINABALU, 19 Julai (Bernama) -- Prestasi menyeluruh kerajaan negeri pimpinan Barisan Nasional (BN) sejak mengambil alih kuasa pada Mac 1994 dijangka menjadi topik utama perbincangan pada Konvensyen Umno Sabah 14 Sept.

Ketua Penerangan Umno Sabah Datuk Karim Ghani berkata konvensyen sehari itu di Wisma Muis di sini akan juga mengkaji semula kejayaan janji-janji pilihan raya yang dibuat pada pilihan raya negeri lepas.

"BN kini memasuki tahun ketiga memerintah Sabah dan umumnya, para perwakilan akan turut meneliti prestasi setiap anggota BN setakat ini," katanya pada persidangan berita di sini hari ini.

Karim berkata seramai 450 perwakilan dari setiap bahagian termasuk 100 wakil pergerakan pemuda dan wanita akan menghadiri konvensyen itu.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga prsiden parti, dijangka merasmikan mesyuarat itu.

Katanya Ketua Perhubungan Umno Sabah dan bekas Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak akan menyampaikan ucapan dasar menyentuh isu-isu berkaitan ekonomi, sosial dan pendidikan.

Karim berkata Salleh akan menjawab soalan mengenai perkara-perkara parti sementara Timbalan Ketua Menteri Datuk Ghapur Salleh dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam masing-masing akan menjawab perkara berbangkit mengenai masalah kerajaan negeri dan persekutuan.

Beliau berkata mesyuarat bahagian-bahagian Umno di Sabah akan bermula esok hingga 30 Julai dengan Kota Kinbalu dan Tenom mengadakan mesyuarat masing-masing esok.

-- BERNAMA

NT AHH